

MURTAD DI MALAYSIA: KAJIAN ANALISIS DALAM SUNNAN SITTAH

Nur Alia Nasuha Zulkifli¹
Nur Aqilah Mohd Azani²
Fatin Norzukrina Zakaria³
Shah Rizul Izyan Zulkipli⁴

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: alianasuha@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: aqilah.azani@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: zukrina@raudah.usim.edu.my)

⁴Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: izyanzulkipli@usim.edu.my)

ABSTRAK

Murtad merupakan suatu isu yang sering terjadi di Malaysia. Isu murtad dilihat sangat sensitif dan terencil tetapi ia membawa impak besar dalam masyarakat beragama Islam. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Dato' Seri Harunsani Hj. Zakaria, hampir 250,000 umat islam yang murtad di Malaysia dan 100,000 daripadanya telah mengisytiharkan diri mereka menganut agama Kristian. Antara faktor berlakunya murtad adalah disebabkan kemiskinan, perkahwinan, perpecahan institusi kekeluargaan, kurang penghayatan agama dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, kajian ini bertujuan untuk meneroka faktor umat islam murtad di Malaysia dan menganalisis hadith- hadith hukum mengenai murtad dalam kitab sunnah sittah. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan dokumen analisis. Hasil kajian menunjukkan punca masyarakat Islam murtad kerana kurang fahaman agama, masalah kewangan, latar belakang keluarga dan lain-lain lagi. Malah terdapat 17 hadith dalam sunnan sittah yang menghuraikan mengenai hukum murtad. Oleh itu, setiap individu, para akademik, pihak berwajib seharusnya memainkan peranan yang penting dalam memberikan didikan ilmu agama serta mengambil langkah yang serius dalam menangani isu murtad di kalangan masyarakat Islam. Kajian ini bermanfaat bagi golongan agamawan, kementerian dan masyarakat untuk mengambil langkah yang sepatutnya seperti memperkukuhkan keimanan kepada Allah SWT bagi menangani kes murtad dalam kalangan masyarakat..

Kata kunci: Murtad, Hadis, Quran, Sunan Sittah.

Pendahuluan

Murtad bukan suatu senario yang baru di Malaysia. Gejala murtad merupakan antara isu yang disifatkan sebagai sangat sensitif kepada masyarakat muslim khususnya di Malaysia. Walaupun perbincangan mengenai gejala ini seringkali diadakan secara bermusim, namun pada hakikatnya murtad tetap berlaku tanpa memilih musim tertentu. Orang-orang Islam yang murtad

adalah dianggap telah melakukan satu jenayah yang besar terhadap agama dan umat Islam. Kes murtad tidak boleh dipandang remeh walaupun sebahagiannya dianggap sebagai kes terpencil. Berdasarkan kes-kes yang dilaporkan oleh media massa mahupun media cetak yang telah diputuskan oleh Mahkamah Syariah, gejala murtad ini sememangnya adalah sesuatu yang parah dan perlu diberikan perhatian yang lebih mendalam. Melalui saluran perundangan, sesetengah kelompok yang bukan beragama Islam yang melibatkan diri untuk tampil membela dan memperjuangkan hak-hak golongan yang murtad ini atas dasar kebebasan asasi secara jelas telah member isyarat bahaya kedudukan Islam dan masyarakat muslim di Malaysia kini semakin tercabar.

Malah, sesetengah kelompok masyarakat ini hanya cuba memanfaatkan ruang dan peluang yang ada, meskipun Tindakan mereka itu dilihat sebagai mencampuri urusan agama Islam dan hal ehwal masyarakat Islam. Sekiranya gejala ini tidak ditangani dengan sewajarnya dalam erti kata lain, rakyat Malaysia khususnya hanya endah tak endah akan hal ini, sudah semestinya akan membawa kepada berbagai implikasi negatif kepada perkembangan Islam dan keharmonian masyarakat muslim di Malaysia. Sesungguhnya telah menjadi suatu kewajipan bagi setiap individu muslim di dunia bagi menjaga iman dan aqidah mereka dari sebarang kecacatan, kerosakan dan kesesatan. Riddah iaitu kerosakan iman telah digariskan pengertiannya oleh para ulama' Islam. Antaranta ialah al-Qalyubi (M-864H) dan al-Syafie al-Saghir (M-1004H) telah mengemukakan takrif murtad yang bermaksud: "Memutuskan ataupun memisahkan dari diri seseorang melalui niat atau perkataan atau perbuatan yang membawa kepada kekufuran."

Oleh yang demikian, seseorang itu dianggap murtad apabila dia terlibat dalam berpaling daripada Islam setelah beriman sama ada iktikad, perkataan ataupun perbuatan yang bertentangan dengan dasar-dasar Islam. Ia merupakan seburuk-buruk akhlak dan sekeji-keji bentuk kekufuran manusia kepada Allah SWT.

Metodologi Kajian

Penyelidikan ini akan menggunakan pendekatan kajian kualitatif dan analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian kualitatif. Objektif kajian ini bertujuan untuk meneroka faktor umat islam murtad di Malaysia dan menganalisis hadith- hadith hukum mengenai murtad dalam kitab sunnah sittah. Analisis mendalam terhadap data bukan berangka dilakukan dalam penyelidikan kualitatif. Ia lebih bersifat antropologi atau naturalistik (Mishra & Alok, 2017). Selain itu, pendekatan kualitatif membolehkan penciptaan idea atau hipotesis serta pandangan ke dalam konteks sesuatu isu. Objektifnya adalah untuk memberikan gambaran yang teliti dan mendalam tentang apa yang telah dilihat (MacDonald & Headlam, 2015).

Permasalahan Kajian

Agama Islam itu sangat indah bahkan sangat luas di dunia. Walau bagaimanapun, terdapat agama lain selain agama islam di dunia terutama di dalam Malaysia. Kebanyakan di negara Malaysia terdapat isu yang sensitif berlaku iaitu murtad atau di panggil keluar agama islam.

Sebagai orang Islam isu murtad adalah bahaya dalam agama kerana boleh mendatangkan negatif pada seseorang itu. Demikian itu, selalu ada masalah penukaran agama, atau murtad bahkan baik semasa dan selepas hayat Nabi, telah berlaku kemurtadan. Daripada kajian (Mohd Sopiee Shiddeq, 2015) menerangkan konflik murtad yang dimainkan oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab dengan menimbulkan isu murtad adalah jenayah syariah atau hak kebebasan agama tidak patut menimbulkan konflik kefahaman ini,.

Selain itu, kefahaman berlainan agama seperti fahaman liberal boleh mencetuskan fenomena murtad kerana ia jauh daripada fahaman Islam berasaskan alquran dan sunnah. Dengan itu, ia amat jelas daripada apa yang terpapar bahawa Islam liberal merupakan aliran fahaman terhadap agama Islam yang tidak tertakluk kepada kefahaman mana-mana ulama' muktabar Islam bermula daripada zaman Rasulullah SAW hinggalah ke abad ini (Phayilah Yama et.al, 2018). Kurangnya pemahaman mereka tentang hakikat Islam yang sebenar menjadi punca fenomena ini (Farahwahida Mohd yusuof, 2020). Demikian itu, kewujudan fenomena atau isu murtad dalam kalangan orang Islam ini adalah bertitktolak daripada fenomena berakidah orang Islam itu sendiri yang jahil dengan pegangan agama (Mohamad Hanafiah & Che Yaacoob, 2020).

Seterusnya, bilangan kes yang semakin meningkat telah didokumenkan pada abad ke-21 yang melibatkan orang Islam yang berbangsa Melayu, Cina atau India dan yang ingin menukar agama lain atas beberapa sebab utama. Banyak faktor, termasuk keluarga, latar belakang pendidikan, isu psikologi, kemiskinan, pendidikan agama, dan lain-lain, biasanya menjadi punca isu ini. Jika masyarakat Islam dan khususnya setiap individu muslim menganggap isu ini tidak penting, ia boleh menjadi wabak dengan jenayah murtad yang teruk. Sesetengah orang secara tidak sedar mengabaikan isu ini dan gagal memikirkan kemungkinan akibat jika tidak mengambil tindakan segera untuk mengelakkannya daripada menjadi lebih teruk. Oleh itu, sejak dahulu lagi muncul fenomena murtad dan fahaman sesat yang menyebabkan sesat agama. Kumpulan-kumpulan sesat pada zaman ini terus berkembang dan bercambah manakala fahaman-fahamannya melebar dan pengikut-pengikutnya bertambah (Idris Sulaiman et.al, 2021).

Tambahan pula, pendidikan sangat penting dalam kehidupan seseorang. Hal ini pendidikan jugak boleh mempengaruhi minda dan jugak agama. Dengan itu, sikap generasi muda yang kurang cakna dengan serangan pemikiran dan ajaran sesat menyemarakkan lagi isu akidah dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia (Abdul Hadi Sulaiman et.al, 2022). Isu ini menyebabkan generasi muda sekarang mudah terpesong agama tanpa didikan yang benar dari orang dewasa. Tambahan pula yang boleh mempengaruhi dan bahaya kepada 'akidah' Islam ialah Kristian. Seperti mana yang dikatakan oleh (Santhira Mogan A/L Nalathamby, 2022) yang membimbangkannya, terdapat banyak kisah atau cerita tentang orang Islam yang memeluk agama Kristian.

Justeru itu, dalam kajian ini bertujuan untuk mengetahui dan meneroka faktor-faktor muncul hadis murtad menurut hukum Islam. Hal ini, untuk pengkaji dapat mengetahui sebab berlakunya murtad pada generasi sekarang. Kemudian, kajian ini jugak untuk menganalisis hadis-hadis hukum murtad dalam kitab Sunan Sittah. Oleh kerana, banyak hadith yang berkaitan dengan murtad ini yang digunakan oleh para ulamak untuk merujuk seperti contoh dalam kitab sahih al-Bukhari dan lain-lain.

Sorotan Kajian

i. Definisi Murtad

Murtad adalah istilah yang digunakan dalam konteks Islam. Manakala keluar Islam adalah istilah dalam konteks perundangan. Dari segi bahasa, murtad berasal daripada bahasa Arab iaitu riddah atau irtidad. Riddah ialah kembali atau rujuk iaitu daripada sesuatu kepada selainnya. Manakala irtidad pula membawa maksud mereka yang meninggalkan agama Islam untuk mempercayai agama lain (Afifah&aishah, n.d).

Murtad dari segi syara' membawa pelbagai takrifan. Menurut Aishah S. dan Aishah C. (2023), murtad ialah orang Islam yang keluar daripada agama Islam sama ada dengan kepercayaan, perkataan, perbuatan, atau dengan kehendak hati mereka sendiri (ikhtiqad). Imam al-Husni menyatakan bahawa murtad ialah keluar daripada Islam dan kembali kepada kufur serta membebaskan diri daripada agama Islam. Selain itu, Dr. Wahbah al-Zuhaili mentakrifkan murtad sebagai berpaling daripada Islam dan kembali kepada kufur, sama ada dengan niat atau perbuatan yang mengkafirkan atau perkataan, dan sama ada diucapkan dengan gurauan atau penentangan atau i'tiqad. Manakala Sayyid Sabiq berkata bahawa murtad itu Kembalinya orang Islam yang berakal dan dewasa ke kafiran dengan kehendaknya sendiri tanpa ada paksaan daripada orang lain. Baik yang kembali itu orang lelaki mahupun orang perempuan". Seterusnya, daripada al-Shaykh Abd al-Qadir Awdah menyatakan murtad adalah meninggalkan agama Islam dan keluar daripadanya setelah menganutnya. (farahwahida, et.al.,n.d).

ii. Bahagian Murtad

Terdapat tiga bahagian murtad. Menurut Aishah dan Afifah (n.d), murtad boleh berlaku melalui perkataan, perbuatan, dan iktiqad. Dari perspektif perkataan ia berlaku apabila seseorang itu menyebut perkataan yang menghina, mengeji dan membenci Nabi dan ajaran Islam serta mengeluarkan kata-kata atau pandangan yang boleh menghina dan mencacatkan kesempurnaan sifat Allah s.w.t. Selain itu, menyebut dengan sengaja perkataan yang bertentangan dengan hukum Islam sama ada berkaitan dengan tauhid, ibadah dan akhlak atau sebagainya seperti menghalalkan sesuatu yang diharamkan Islam.

Daripada segi perbuatan pula berlaku apabila seseorang itu melakukan sesuatu perbuatan yang bercanggah dengan ajaran Islam. Sebagai contoh menyembah selain dari Allah SWT dan perbuatan-perbuatan yang boleh menyumbang kepada kemungkaran seperti bergantung kepada bantuan iblis dan syaitan. Selain itu, menurut Shaykh al-Sharbini perbuatan yang menyebabkan seseorang itu kafir ialah sekiranya si pelaku bermaksud untuk menghina Islam secara terang-terangan atau penentangan seperti meletakkan najis di atas al-Quran. Perbuatan seumpama ini secara terang-terangan memperkecilkan kalam Allah SWT. Memperkecilkan kalam Allah membawa maksud memperkecilkan Allah SWT.

Manakala melalui iktiqad, Norayu dan Azizah (n.d) menyatakan dalam artikelnya bahawa iktiqad itu berlaku kerana adanya sifat ragu dan was-was di dalam diri kita. Sikap ragu-ragu dan was-was ini akan menyebabkan individu itu kurang yakin dengan setiap perkara yang berlaku. Sebagai contohnya, Muslim meragui kebesaran dan kekuasaan Allah. Iktiqad juga merangkumi rasa ragu dan was-was kepada perkara-perkara ghaib seperti wujudnya hari

kiamat, wujudnya malaikat, wujudnya hari pembalasan dan hari kiamat.. Bahayanya iktikad adalah kerana ia boleh mngurangkan rasa kebergantungan kita kepada Yang Maha Pencipta.

iii. Hukum Murtad dalam Quran

Syaikh Yusuf al-Qaradhawi menjelaskan bahawa islam tidak menjatuhkan hukuman bunuh atas orang murtad yang tidak menghebahkan murtadnya dan tidak mengajak orang lain agar murtad sepertinya. Islam membiarkannya agar individu tersebut menerima balasannya di akhirat kelak jika dia mati dalam kekafirannya itu. Dalam risalah Berkenalan Dengan Ciri-Ciri Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah Dalam Pelaksanaan Hukum Jenayah, telah dijelaskan bahawa hukuman hudud hanya dijatuhkan apabila jenayah tersebut dilakukan secara terbuka, iaitu mendedahkan kepada khalayak ramai. Ada pun jika jenayah tersebut dilakukan secara tertutup, maka hukuman di dunia tidak dijatuhkan. Ini kerana antara tujuan hukuman hudud dijatuhkan adalah untuk menghindar sesuatu jenayah yang dilakukan secara terbuka di khalayak ramai daripada menjadi ikutan dan fitnah kepada masyarakat (norayu&azizah,2014).

Orang yang murtad dan menzahirkan di khalayak ramai akan dihukum bunuh selepas diberi tempoh untuk bertaubat. Menurut farahwahida (n.d), Syaikh Abu Malik Kamal bin al-Sayyid Salim menjelaskan kewajipan hukuman mati terhadap orang yang murtad. Akan tetapi jika imam atau hakim berpendapat untuk menundakan hukuman dan menilai permintaan taubat terhadap orang yang murtad sebagai langkah kebijaksanaan yang memiliki maslahat, maka hal itu boleh dilakukan. Merujuk kepada hukuman para tokoh al-Salaf al-Shalih mendapati bahawa mereka berbeza-beza dalam menundakan hukuman. Ada yang menjatuhkan hukuman bunuh serta merta, ada yang menundanya selama 3 hari, 20 hari, sebulan dan sebagainya. Semuanya bergantung kepada kemaslahatan yang ingin dicapai dalam kes yang berbeza-beza. Walaubagaimana pun hukuman bunuh tetap dijatuhkan jika orang yang murtad enggan bertaubat atau tidak menunjukkan harapan untuk bertaubat

Manakala Orang yang murtad dan menzahirkannya serta menyerang Islam dengan apa cara sekali pun, sama ada dengan menggunakan senjata, pemikiran serta menggunakan bantuan orang bukan Islam dan munafik, maka mereka ditangkap dan dibunuh serta merta tanpa diberi tempoh dan diajak untuk bertaubat. jika mereka bertaubat sebelum ditangkap, maka diberi pengecualian dan taubat mereka diterima. Sabda Nabi SAW maksudnya: Tidak dihalalkan darah seorang muslim yang bersaksi bahawasanya tiada tuhan selain Allah dan bahawasanya aku adalah Rasulullah melainkan salah satu dari tiga perkara iaitu Orang yang telah berkahwin melakukan zina, nyawa dibalas dengan nyawa (membunuh dengan sengaja) dan meninggalkan agama yang berpisah dengan jamaah muslimin

Firman Allah SWT yang bermaksud :

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ ۚ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدِ افْتَرَىٰ إِثْمًا عَظِيمًا

“Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukanNya (dengan sesuatu apajua), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan SyariatNya). Dan sesiapa yang mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain). maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar”.

Telah jelas dalam surah an-nisa' ayat 48 bahawa murtad merupakan dosa besar yang tidak diampunkan oleh Allah SWT kerana menyekutukan-Nya.

Firman Allah SWT dalam surah al-baqarah ayat 217 yang bermaksud :

وَمَنْ يَرْتَدِدْ مِنْكُمْ عَنْ دِينِهِ فَيَمُتْ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَٰئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي الدُّنْيَا وَالْآٰخِرَةِ ۖ وَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ ۗ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

“dan sesiapa diantara kamu yang murtad (berpaling tadah)dari agamanya(agama Islam) lalu ia mati sedang ia tetap kafir, maka orang-orang demikian, rosak binasalah amal usahanya (yang baik)di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah ahli neraka, kekal mereka di dalamnya selama-lamanya”.

Berdasarkan tafsir oleh syaikh Dr. Shalih, ayat ini memberitahu bahawa siapa yang meninggalkan agamanya (murtad) dan mati dalam kekafiran kepada Allah, maka amal solehnya menjadi sia-sia, dan kelak di akhirat mereka akan masuk ke dalam neraka dan menetap di sana untuk selama-lamanya.

Hasil Kajian

Berikut merupakan hasil kajian berkenaan faktor terjadinya murtad di Malaysia dan hadith-hadith berkaitan dengan murtad melalui sunnah sittah.

Faktor-Faktor Berlaku Murtad Di Malaysia

i. Perkahwinan

Perkahwinan merupakan faktor terjadinya murtad, sama ada lelaki bukan Islam atau wanita bukan Islam ingin berkahwin dengan pasangan hidup mereka yang beragama Islam dan begitu juga sebaliknya. Akibat perasaan cinta yang dalam terhadap seseorang itu sehingga sanggup menggadaikan maruah agama demi cinta. Menurut farahwahida (n.d), sesetengah kes murtad yang melibatkan saudara baru berpunca dari perkahwinan. Antaranya mahu berkahwin dengan gadis atau lelaki Islam. Sekiranya pasangan yang dipilihnya mempunyai latar belakang agama yang baik maka ia mungkin tidak menimbulkan sebarang masalah kerana suami atau isterinya boleh membimbing pasangannya. Tetapi masalah mungkin timbul apabila pasangan baru itu gagal melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya. Akibatnya muafik itu akan keluar dari Islam.

ii. Kurang Penghayatan Agama

Kurang penghayatan agama merupakan salah satu faktor berlakunya murtad. Menurut yaacob dan hanafiah (2020), kejahilan seseorang terhadap hakikat ketuhanan membawa kepada terpesongnya akidah. Seseorang itu mudah terpengaruh dengan ajaran yang bertentangan dengan ajaran Islam. Menurut norayau dan azizah (2014), Kurangnya penghayatan agama boleh menyebabkan

seseorang itu kurang ilmu dalam sesuatu perkara sama ada halal, haram, harus dan makruh. Bagi muallaf, mereka juga perlu mendalami ilmu agama islam. Hal ini bagi memastikan mereka tahu perkara-perkara yang terkandung dalam agama islam. Namun begitu, muallaf yang memilih untuk keluar dari agama islam disebabkan beberapa perkara seperti gagal dalam perkahwinan. Ia merasakan bahawa kembali kepada agama asal lebih baik. Ini terjadi kerana semasa tempoh perkahwinan, pasangan islamnya tidak menerapkan ajaran agama dan gagal membimbing untuk menghayati ajaran agama dalam kehidupan rumah tangga (norayu&azizah,2014). Oleh itu, Penghayatan agama sangat penting kepada orang islam supaya dapat meningkatkan kefahaman tentang ajaran islam sekaligus mempertingkatkan iman.

iii. Perpecahan Institusi Kekeluargaan

Pepecahan keluarga boleh membawa kepada murtad. Hal ini kerana kurangnya perhatian dan pendedahan agama daripada ibu bapa. Perceraian ibu bapa menyebabkan anak-anak semakin agresif dan ingin mencari ketenangan serta hiburan di luar rumah. Dengan itu, sifat anak-anak akan mudah terpengaruh dunia luar tanpa perhatian yang betul daripada ibu bapa. Tambahan pula, emosi dan psikologi anak-anak terjejas dan mula mencari benda yang membuatnya lari daripada masalahnya. Didikan agama bukan sahaja lahir dalam sistem persekolahan tetapi juga dari institusi keluarga. Oleh itu, keluarga sepatutnya memainkan peranan penting dalam memberikan pendedahan tentang agama kepada anak-anak. Pendedahan ajaran islam sangat penting untuk anak-anak bagi menyedarkan mereka tentang agama islam yang syumul (hakim&firdaus,2020). Demikian itu, ibu bapa perlu memberi perhatian sepenuhnya kepada anak-anak agar tidak mencari orang asing untuk mengambil perhatian dan kasih sayang. Hal ini boleh tercetus pengaruh agama selain islam yang menyebabkan murtad.

iv. Kemiskinan

Kemiskinan juga boleh menjadi faktor berlakunya murtad. Individu yang menghadapi kesempitan hidup boleh mengakitkannya menggadaikan agama untuk meneruskan kehidupan. Hal ini kerana Ketidakstabilan kewangan dan ketidakmampuan untuk memenuhi keperluan seperti makanan, tempat tinggal, dan sebagainya. Oleh kerana itu, mereka mengambil pendekatan mudah iaitu murtad supaya mereka dapat memperoleh kemewahan dalam masa yang singkat dengan melakukan pekerjaan yang tidak halal (farahwahida,n.d).

Selain itu, golongan miskin yang mempunyai masalah dari segi kewangan terjebak dengan taktik pihak dari agama lain dimana golongan miskin ini dibantu dari segi perniagaan dan diberikan segala kemewahan. Sekiranya mereka sudah membuat upacara menyerahkan diri kepada 'Tuhan', semakin banyak kemewahan yang akan mereka perolehi. Ini merupakan cara pihak agama lain mengambil kesempatan dan menarik orang masuk ke agamanya (farahwahida,n.d). Demikianlah, kumpulan ajaran sesar mempunyai teknik untuk menarik mereka keluar daripada agama mereka dengan menyasarkan orang kurang kewangan. Hal ini, kerana mereka yang miskin mudah dihasut dengan wang dan sanggup keluar agama untuk mendapatkannya.

Kesan Kepada Orang Yang Murtad

Harta Orang Murtad

Semua harta benda yang diperolehinya sebelum atau selepas dia melakukan jenayah murtad itu dirampas dan diserahkan kepada Baitul Mal. Menurut Jumhur Fuqaha', harta orang yang murtad tidak boleh diwarisi oleh ahli warisnya yang Islam kerana mereka itu telah berlainan agamanya sekalipun hartanya itu diperolehinya sebelum dia murtad. (Farahwahida, n.d). Menurut yazid ahmad (2019), kebanyakan ulama' termasuk imam syafie, imam malik dan imam ahmad bin hanbal berpendapat bahawa harta orang murtad tidak boleh diwariskan kepada pewaris yang islam dan begitu juga sebaliknya. Namun imam hanifah pula berpendapat bahawa harta orang yang murtad yang diperolehi semasa dia Islam adalah dianggap sebagai harta orang Islam yang boleh diwarisi oleh ahli warisnya yang Islam. Selain itu, dalam pengurusan harta orang yang murtad, jumhur fuqaha' yang terdiri dari Imam Malik, Hanafi dan Hanbali menyatakan bahawa orang yang murtad tidak boleh melaksanakan pengurusan hartanya malah harta mereka itu selama mereka di dalam murtad hendaklah digantungkan. Imam syafie berpendapat bahawa semua pengurusan harta orang yang murtad yang tidak boleh digantung ialah jual beli, hibah, sewa menyewa, gadai menggadai dan sebagainya.

Perkahwinan Orang Murtad

Seorang lelaki atau perempuan yang murtad tidak boleh mengahwini mana-mana pasangan mereka. Sama ada beragama islam, kafir ataupun murtad. Seseorang suami atau isteri yang telah sabit dalam mahkamah melakukan jenayah murtad, hakim hendaklah mengisytiharkan bahawa perkahwinan mereka itu terbatal. Hal ini kerana dengan sebab murtad salah seorang dari suami isteri maka diwajibkan mereka tadi bercerai kerana orang-orang yang murtad itu dalah adalah orang yang tidak mempunyai pegangan agama sekalipun mereka itu keluar dari agama Islam. Sekiranya si suami yang murtad itu bertaubat dan hendak kembali semula kepada isterinya, wajib dinikahkan semula dengan akad dan mahar yang baru kerana penceraian di antara suami isteri adalah kehendak suami itu sendiri memilih melakukan jenayah murtad. Jumhur fuqaha' berpendapat bahawa penceraian di antara suami isteri disebabkan murtad suaminya adalah dianggap sebagai fasakh kerana penceraian di antara suami isteri itu adalah ditetapkan oleh hukum syara' iaitu bukan dengan sebab dilakukan suami. Begitu juga jika isteri yang murtad bertaubat dan hendak kembali semula kepada suaminya, wajib akad dan mahar yang baru.(farahwahida,n.d).

Hak Perwakilan

Wali bagi orang Islam ialah orang Islam juga. Orang kafir tidak boleh menjadi wali kepada orang Islam dalam bidang apapun juga. Maka apabila seorang lelaki murtad maka hilanglah hak perwalian atas anak-anaknya. Ia tidak boleh menjadi wali anak lelakinya yang masih kecil dan tidak boleh mewalikan perkahwinan anak perempuannya. Hal ini kerana hukum untuk menjadi seorang wali wajib beragama islam bagi status perkahwinan itu sah di sisi agama islam. Dengan itu, pentingnya mengetahui hukum hakam islam sebelum melakukan sesuatu perkara bersyariat islam. Oleh itu, orang yang murtad haram untuk menjadi wali seseorang kerana telah melanggar syarat wajib wali.

Kitab Sunnan Sittah Secara Ringkas

Sunan Sittah mashurnya diistilahkan kepada enam kitab hadis iaitu Sahih Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Nasaie, Sunan Abu Daud, Sunan Tirmizi dan Sunan Ibnu Majah. Ada pula pendapat yang mengatakan di tempat Sunan Ibnu Majah lebih sesuai dengan al-Muwatta' atau Sunan Darimi kerana darjatnya lebih tinggi berbanding Sunan Ibnu Majah yang mengandungi pelbagai status hadis termasuklah hadis maudu'. Namun, melihat kepada sistem pengajian hadis, Sunan Ibnu Majah adalah lebih sesuai dimasukkan dalam silibus pengajian kerana mempunyai kelebihan dan kepentingannya tersendiri. Adapun susunan (mengikut tertib) pengajian hadis adalah seperti berikut;

- 1) Sahih Bukhari: (Mengajar cara istinbad hukum dan menyatakan hadis paling sahih)
- 2) Sahih Muslim: (Memperbanyakkan hadis sahih)
- 3) Sunan Nasaie: (Mengajar supaya meneliti hadis perawi)
- 4) Sunan Abu Daud: (Menyebut dalil masing-masing ulamak)
- 5) Sunan Tirmizi: (Menyebut ikhtilaf ulamak)
- 6) Sunan Ibnu Majah: (Sebagai menguji kefahaman dalam bidang hadis)

Hadith Tentang Murtad Dalam *Sunnan Sittah*

No	Awal Matan Hadith	No Hadith	Sumber	Kitab	Bab	Status
1.	لَا يَجِئُ دَمُ الْغَرِيِّ مُسْلِمٍ ۖ	4058	Bukhari	كِتَابُ تَحْرِيمِ الدَّمِ	حكم في المرتد	Sahih
	Tidak boleh menumpahkan darah seorang muslim kecuali 3 perkara: kafir sesudah masuk islam lalu dibunuh					
2.	مَنْ بَدَّلَ دِينَهُ فَاقْتُلُوهُ	4059	Bukhari	كِتَابُ اسْتِثْنَاءِ الْمُرْتَدِّينَ وَالْمُعَانِدِينَ وَقَتْلِهِمْ	باب حكم المرتد والمرتدة واستثنائهم	Sahih
	Sesiapa yang menukar agamanya, bunuhlah dia					

3.	لا تعذب بعداب الله Jangan diseksa dengan azab Allah	3017	Bukhari	كِتَابُ اسْتِثْنَاءِ الْمُؤْتَدِينَ وَالْمُعَانِدِينَ وَقَتْلِهِمْ	بَابُ حُكْمِ الْمُؤْتَدِ وَالْمُؤْتَدَةِ وَاسْتِثْنَائِهِمْ	Sahih
4.	مَنْ بَدَّلَ دِينَهُ فَاقْتُلُوهُ Sesiapa yang menukar agamanya, bunuhlah dia	2535	Bukhari	كِتَابُ تَحْرِيمِ الدَّمِ	حُكْمُ فِي الْمُرْتَدِ	Sahih
5.	لَا يَقْبَلُ اللَّهُ مِنْ مُشْرِكٍ شَيْئًا بَعْدَ مَا أَسْلَمَ عَمَلًا Allah tidak akan menerima apa-apa amalan dari orang musyrik	2536	Bukhari	كِتَابُ تَحْرِيمِ الدَّمِ	بَابُ الْمُؤْتَدِ عَنِ دِينِهِ	Sahih
6.	إِلَى تَخْرُجُوا إِنْ شِئْتُمْ أَنْ إِبِلِ الصَّدَقَةِ Jika kamu mahu, kamu boleh keluar menemui unta-unta sedekah dan minum susu. Maka mereka buat demikian dan mereka meninggalkan islam	1671	Muslim	كِتَابُ الْقِسَامَةِ وَالْمُخَارِبِينَ وَالْقِصَاصِ وَالذِّيَاتِ	بَابُ حُكْمِ الْمُخَارِبِينَ وَالْمُؤْتَدِينَ	Sahih
7.	أَلَا تَخْرُجُونَ مَعَ رَاعِيِنَا فِي إِبِلِهِ، فَتُصَيَّبُونَ مِنْ أَنْبَالِهَا Tidakkan kamu keluar bersama gembala kami menaiki untanya dan	1671	Muslim	كِتَابُ الْقِسَامَةِ وَالْمُخَارِبِينَ وَالْقِصَاصِ وَالذِّيَاتِ	بَابُ حُكْمِ الْمُخَارِبِينَ وَالْمُؤْتَدِينَ	Sahih

	mengambil sedikit susunya.					
8.	لَا يَجِلُّ دَمُ امْرِئٍ مُسْلِمٍ إِلَّا بِأَخْذِي ثَلَاثٍ Tidak boleh menumpahkan darah seorang muslim kecuali 3 perkara: kafir sesudah masuk islam lalu dibunuh	4057	Nasaie	كِتَابُ تَحْرِيمِ الدَّمِ	حكم في المرتد	Sahih
9.	مَنْ بَدَّلَ دِينَهُ فَاقْتُلُوهُ Sesiapa yang menukar agamanya, bunuhlah dia	4060	Nasaie	كِتَابُ تَحْرِيمِ الدَّمِ	حكم في المرتد	Sahih
10.	لَا أُجْلِسُ حَتَّى يُقْتَلَ فَضَاءُ اللَّهِ وَرَسُولِهِ Datang seorang lelaki yahudi lalu dia masuk Islam lalu dia kafir. Muadz berkata: Aku tidak akan duduk sehingga dia terbunuh.	4066	Nasaie	كِتَابُ تَحْرِيمِ الدَّمِ	حكم في المرتد	Sahih
11.	كَانَ رَجُلًا مِنَ الْأَنْصَارِ أَسْلَمَ ثُمَّ ارْتَدَّ وَحَقَّقَ بِالْبَيْتِ Ada seorang lelaki Ansar masuk Islam kemudian dia	4068	Nasaie	كِتَابُ تَحْرِيمِ الدَّمِ	تَوْبَةُ الْمُرْتَدِّ	Sahih Isnad

	murtad dan syirik					
12.	لا تعذب بعذاب الله Jangan diseksa dengan azab Allah	4060	Nasaie	كِتَابُ تَحْرِيمِ الدَّمِ	حكم في المرتد	Isnad Dhaif
13.	لا تعذب بعذاب الله Jangan diseksa dengan azab Allah	4351	Abu Daud	كتاب الحدود	ارتد الحكم فيمن باب	Isnad Dhaif
14.	مَنْ بَدَّلَ دِينَهُ فَاقْتُلُوهُ Sesiapa yang menukar agamanya, bunuhlah dia	1458	Tirmizi	كتاب ابواب الحدود	بَابُ مَا جَاءَ فِي الْمُرْتَدِّ	Sahih
15.	مَنْ بَدَّلَ دِينَهُ فَاقْتُلُوهُ Sesiapa yang menukar agamanya, bunuhlah dia	4059	Ibnu Majah	كتاب الحدود	بَابُ الْمُرْتَدِّ عَنِ دِينِهِ	Sahih
16.	لَا يَقْبَلُ اللَّهُ مِنْ مُشْرِكٍ أَشْرَكَ بَعْدَمَا أَسْلَمَ عَمَلًا Allah tidak akan menerima apa-apa amalan dari orang musyrik	2536	Ibnu Majah	كتاب الحدود	بَابُ الْمُرْتَدِّ عَنِ دِينِهِ	Hasan
17.	لنا ذون الى خرجتم لو Sekiranya kamu pergi ke tempat perlindungan dan minum	778	Ibnu Majah	كتاب الحدود	باب من حارب وسعى في الارض فسادا	Sanad Hasan

	susu. Maka mereka berbuat demikian ‘mereka murtad dari islam					
--	--	--	--	--	--	--

Berdasarkan koleksi hadith berkaitan isu murtad diatas, sudah terang lagikan bersuluh bahawasanya perbuatan murtad ini sangat dibenci oleh Allah SWT. Hadith-hadith diatas menunjukkan kepada kita akan besarnya kesan murtad dalam diri. Antaranya adalah hadis yang berkaitan dengan seorang lelaki yahudi yang masuk agama Islam lalu dia kafir. Oleh hal yang demikian sahabat nabi yang bernama Muadz berkata: Aku tidak akan duduk sehingga dia terbunuh yakni maksudnya lelaki yahudi yang murtad itu perlu dibunuh dengan segera. Terdapat juga hadis yang mengenai sekumpulan kaum yang keluar bersama gembala menaiki untanya dan mengambil susunya. Oleh sebab perbuatan ini, mereka pon meninggalkan Islam. Kemudian, hadis yang paling masyhur berkaitan murtad adalah barangsiapa yang meninggalkan agama Islam maka bunuhlah dia. Hadis ini menjelaskan kepada kita betapa besarnya hukuman dan juga balasan bagi orang yang murtad. Ada juga hadis yang menyebut Allah tidak menerima amalan orang yang murtad.

Kesimpulan

Dalam kajian ini, dapat disimpulkan bahawa isu murtad telah lama di bahaskan sejak zaman Rasulullah SAW dan sehingga sekarang. Dengan itu, bahaya bagi orang-orang Islam yang berlaku murtad. Hal ini, ramai kelompok masyarakat Islam terpengaruh dengan ajaran ajaran sesat yang boleh menyebabkan mmurtad. Secara umumnya, murtad adalah bermaksud keluar agama daripada agama asal iaitu Islam. Kemudian, terdapat beberapa faktor yang menjadi punca kepada murtad seperti latar belakang pendidikan yang rendah, kurang penghayatan agama, perpecahan institusi keluarga dan kemiskinan. Dari kajian ini kita dapat tahu bahawa murtad memberi impact negatif kepada orang Islam sepertimana harta, perkahwinan dan hak perwakilan. Dapatan kajian ini, menganalisa bahawa terdapat beberapa hadis berkaitan murtad daripada pelbagai *perawi* dalam kitab *Sunnan Sittah*. Oleh itu, hadis yang di analisis ini terdapat banyak pengulangan daripada kitab-kitab lain seperti Sahih Bhukari, Sahih Muslim, Sahih Nasa’i, Sahih Abu Daud dan Sahih Ibnu Majah. Demikian itu, perlu menitikberatkan isu murtad yang telah berlaku pada generasi sekarang dengan berhati-hati agar tidak muncul perselisih fahaman agama.

Rujukan

Abu ‘Abd Ar-Rahman Ahmad bin Syu’ib Ibn ‘Ali Al-Khurasani, An-Nasaie (Sunan Nasaie).
 Kitab Tahrim Ad-Dam. Bab Hukmu Fi Al-Murtad. Jilid 7. Muka surat 103. No hadis 4057 dan 4058.

- Abu 'Abd Ar-Rahman Ahmad bin Syu'ib Ibn 'Ali Al-Khurasani, An-Nisaie(Sunan Nisaie).
Kitab Tahrim Ad-Dam. Bab Hukmu Fi Al-Murtad. Jilid 7. Muka surat 104. No hadis
4061.
- Abu 'Abd Ar-Rahman Ahmad bin Syu'ib Ibn 'Ali Al-Khurasani, An-Nisaie(Sunan Nisaie).
Kitab Tahrim Ad-Dam. Bab Hukmu Fi Al-Murtad. Jilid 7. Muka surat 105. No hadis
4066.
- Abu Da'ud Sulayman Ibn Ash'ath Al-Azadi Al-Sijistani (Sunan Abu Daud). Kitab Al-Hudud.
Bab Al-Hukmu Fiman Irtadda. Jilid 4. Muka surat 339. No hadis 4351.
- Ahmad, M.Y. (2019). KAEDAH PENGURUSAN HARTA KELUARGA ISLAM. Institut
kefahaman Islam Malaysia. [https://www.ikim.gov.my/new-wp/wp-
content/uploads/2019/09/Kertas-3-1.pdf](https://www.ikim.gov.my/new-wp/wp-content/uploads/2019/09/Kertas-3-1.pdf)
- Basir, S. N. M., Abdullah, A., & Insan, P. T. K. D. P. (2014). Murtad: Satu Wacana Sosial
Farahwahida bt Mohd Yusof (2020). Kaedah Penyelesaian dalam Menangani Pertukaran
Agama. <https://anyflip.com/gcmdk/nzmp/basic>
- Hadi, S. A. B. (nd).Definisi murtad
- Mohamad Hanafiah, M. N. A., & Che Yaacob, M. F. (2020). "Faktor dan Kesan Murtad
Masyarakat Melayu Menerusi Novel Tuhan Manusia Karya Faisal Tehrani: Satu
Penelitian Takmilah." Jurnal Melayu, 19(2), 189.
- Mohd Sopiee Shiddeq. (2015). "Jenayah Murtad di Malaysia: Permasalahan dari Perspektif
Undang-undang Syariah". 19 JUUM, 9-16.
- Muhammad bin 'Isa bin Saurah bin Musa bin Ad-Dhahak, At-Tirmizi, Abu 'Isa (Jami' Tirmizi).
Kitab Al-Babu Al-Hudud. Bab Al-Hukmu Fiman Irtadda. Jilid 3. Muka surat 111. No
hadis 1458.
- Muhammad bin Ismail Abu 'Abdullah Al-Bukhari Al-Ja'fi (Sahih Bukhari). Kitab Tahrim Ad-
dam. Bab Hukum Fi Murtad. Jilid 7. Muka surat 103. No hadis 4058.
- Muhammad bin Ismail Abu 'Abdullah Al-Bukhari Al-Ja'fi (Sahih Bukhari). Kitab Tahrim Ad-
dam. Bab Hukum Fi Murtad. Jilid 7. Muka surat 103. No hadis 4059.
- Muhammad bin Ismail Abu 'Abdullah Al-Bukhari Al-Ja'fi (Sahih Bukhari). Kitab Istitabah Al-
Murtadin Walmu'anidin waqitalihim. Bab Hukum Al-Murtad walmurtadah
waistitabatihim. Jilid 11. Muka surat 103. No hadis 6922.
- Muhammad bin Ismail Abu 'Abdullah Al-Bukhari Al-Ja'fi (Sahih Bukhari). Kitab Tahrim Ad-
dam. Bab Murtad 'an Dinihi. Jilid 9. Muka surat 15. No hadis 2536
- Muhammad bin Yazid Al-Rab'i Al-Qazwini (Sunan Ibn Majah). Kitab Al-Hudud. Bab Al-
Murtad 'an Dinihi. Jilid 3. Muka surat 574. No hadis Al-Hudud. Bab Al-Murtad 'an
Dinihi. Jilid 3. Muka surat 574. No hadis 2535.
- Muhammad bin Yazid Al-Rab'i Al-Qazwini (Sunan Ibn Majah). Kitab Al-Hudud. Bab Al-
Murtad 'an Dinihi. Jilid 3. Muka surat 574. No hadis 2536.

- Muhammad bin Yazid Al-Rab'i Al-Qazwini (Sunan Ibn Majah). Kitab Al-Hudud. Bab Min Harib Wasa'a Fi Al-Ardhi Fasad. Jilid 3. Muka surat 575. No hadis 2536.
- Muslim bin Al- Hujjaj Abu Al-Hasan Al-Khusyairi An-Nisaburi (Sahih Muslim). Kitab Al-Qasamah walmuharibin walqisas waddiyat. Bab Hukmu Al-Muharibin walmurtadin. Jilid 3. Muka surat 1296. No hadis 1671.
- Muslim bin Al- Hujjaj Abu Al-Hasan Al-Khusyairi An-Nisaburi (Sahih Muslim). Kitab Al-Qasamah walmuharibin walqisas waddiyat. Bab Hukmu Al-Muharibin walmurtadin. Jilid 3. Muka surat 1297. No hadis 1671.
- Samudin, S. A., & Chabidi, A. M. (2023). Kajian Isu Keluar Islam di Malaysia: Kebebasan Beragama atau Jenayah Syariah: A Study of Apostasy Issues in Malaysia: A Fundamental Freedom or Syariah Crimes. *Jurnal Pengajian Islam*, 16(2), 33-56.
- Santhira Morgon, Jasni Sulong (2020). Malay Apostates in Malaysia: A Study on Reasons. <https://www.europeanproceedings.com/article/10.15405/epsbs.2020.10.02.59>
- Sulaiman, A. H., Hashim, H., Yaakub, Z., Hasmam, A., Abu Chik, A. R., Abdullah, M. M. N., Mohd Salleh, S., & Wan Abdullah, W. A. A. (2022). Tahap Pengetahuan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam Kalangan Pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar (IPGKRM): Proficiency Level on the Ahl Sunnah Wal Jamaah Aqeedah among Students of the Institute of Teacher Education Raja Melewar Campus (IPGKRM). *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 6(2), 79-90.
- Sulaiman, I. ., Basir, A. ., Haron, M. S. ., & Mohd Othman, F.. (2021). Konsep Tasfiah dalam Islam: Sejarah Dahulu dan Kini: Tasfiah in Islam: History and Definition of Concept. *Ma' alim Al-Qur'an Wa Al-Sunnah*, 17(1), 56-72.
- Yaacob, M. F. B. C., & Hanafiah, M. N. A. H. M. (2020). Faktor Dan Kesan Murtad Masyarakat Melayu Menerusi Novel Tuhan Manusia Karya Faisal Tehrani: Satu Penelitian Takmilah. *Jurnal Melayu*
- Yama, P., Mohd. Salleh, N., Ismail, A. Z., Mohamad Husin, H., Mohd. Haridi, N. H., & Mohd. Noor, M. S. (2018). Penggunaan Hadith Nabi Dalam Penulisan: Analisis Terhadap Karya Karya Golongan Liberal Dan Pengaruhnya Dalam Media Sosial. *Journal Of Hadith Studies*, 3(1).
- Yusof, F. M & et.al. (n.d). Kaedah Penyelesaian Dalam Menangani Pertukaran Agama Dalam Kalangan Masyarakat Melayu-islam Di Johor, Selangor Dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. <https://core.ac.uk/download/pdf/11783805.pdf>
- Yusof, F. M., Rosman, A. S., Suratman, A. S., Ripin, M. N., & Ruskam, A. (2012). Faktor dan Cabaran Pertukaran Agama dalam Kalangan Masyarakat Melayu-Islam di Malaysia. *Sains Humanika*, 59(1).